

**NO. SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**SOALAN : 14**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) status pendatang Rohingya khususnya generasi kedua dan ketiga yang dilahirkan di Malaysia; dan**
  
- (b) rancangan Kerajaan menangani ratus ribuan pendatang dari negara-negara lain yang masuk secara sah atau haram memandangkan isu imigran menjadi cabaran keselamatan, sosial dan ekonomi yang berterusan dihadapi Malaysia. (dijawab oleh KDN)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian Rohingya atau mana-mana pelarian lain memandangkan Malaysia bukanlah negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Namun atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan pelarian termasuk etnik Rohingya, Myanmar yang memegang kad UNHCR tinggal sementara di negara ini sebelum dihantar ke negara ketiga atau ke negara asal.

Bagi anak-anak pelarian etnik Rohingya status mereka kekal sebagaimana status ibu dan bapa mereka iaitu etnik Rohingya. Kelahiran anak-anak etnik Rohingya, Myanmar ini akan direkodkan kelahirannya seperti yang termaktub dalam Akta 299 - Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 dan tujuan pendaftaran kelahiran ini bukanlah untuk memberikan taraf kerakyatan sebagaimana pendaftaran anak-anak warganegara asing yang bukan pelarian.

Sekian Terima Kasih.

**(b) Jawapan disediakan oleh KDN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan pada ketika ini menggunakan pendekatan Operasi Bersepadu dalam melaksanakan operasi penguatkuasaan yang turut diperkasakan dengan pelaksanaan Pelan Penguatkuasaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) Secara Holistik yang bertujuan untuk mewujudkan satu ekosistem tidak selesa kepada PATI untuk meneruskan kehidupan seharian mereka.

Antara kekuatan Pelan ini adalah mengoptimumkan sumber sedia ada melalui Prinsip Strategi Lautan Biru Kebangsaan yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan seterusnya Pihak Berkuasa Tempatan. Pelan ini turut menekankan kesedaran masyarakat setempat berhubung kesalahan dan hukuman yang dikenakan terhadap majikan yang menggaji PATI.

Selain itu, aktiviti naziran oleh Jabatan Imigresen Malaysia ke atas premis-premis yang menggaji pekerja asing turut dilakukan dari semasa ke semasa bagi mengesan warga asing serta majikan yang melakukan kesalahan imigresen.

Sekian Terima Kasih.